

Rujukan Kami : KPTM.IP.BHEA.3-5 Jilid 2 (4)
Tarikh : 20 September 2022
23 Safar 1444 H

Para Graduan
Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)

Saudara/i,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) KE 38 - 2022

Seluruh warga KPTM mengucapkan **TAHNNIAH** kepada saudara/i kerana telah berjaya menamatkan pengajian di Kolej Poly-Tech MARA. Sempena kejayaan ini, pihak KPTM akan mengadakan Majlis Konvokesyen pada **6 November - 7 November 2022** (Ahad hingga Isnin), bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

2. Saudara/i dipohon untuk membuat pengesahan maklumat graduan di laman web rasmi konvokesyen <https://convo.kptm.edu.my> mulai **19 September 2022 sehingga 28 Oktober 2022**. Pengesahan yang dibuat selepas **28 Oktober 2022 TIDAK AKAN DITERIMA**.

3. Upacara Raptai akan diadakan pada:

Tarikh : 4 November 2022 (Jumaat)
Tempat : Dewan Plenari, PICC
Masa : 2.30 petang

4. Kehadiran ke upacara raptai adalah **diwajibkan** bagi mendengar taklimat penuh untuk menjamin kelancaran perjalanan majlis nanti. Pastikan saudara/i mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan sebelum dan semasa hadir ke Majlis Konvokesyen.

5. Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh graduan:

- i) Pakaian semasa raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek. (Dilarang memakai selipar/sandal/jeans/T-shirt kolar bulat)
- ii) Graduan diminta berkumpul semasa sesi konvokesyen:
 - a. Sidang Pagi : Bermula jam 7.00 pagi
 - b. Sidang Petang : Bermula jam 12.30 tengah hari

“TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING”




Rujukan Kami : KPTM.IP.BHEA.3-5 Jilid 2 (4)

Bagi pihak urusetia, saya berharap agar kita sama-sama jadikan majlis konvokesyen ini hari yang penuh bermakna untuk diraikan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD SAHIDI BIN YAAKOB

Timbalan Presiden Hal Ehwal Pelajar

Merangkap Pengerusi Majlis Konvokesyen KPTM Ke-38

“TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING”

